

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI 1990

TEMPAT: HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 09 NOV 1990

MASA:

Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz,
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
Dif-dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan,
Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian
Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana menjemput saya
ke majlis ini bersempena dengan penyampaian Anugerah
Kecemerlangan Industri 1990. Majlis penyampaian anugerah
ini akan menjadi unsur penggalak untuk pencapaian yang lebih
cemerlang dalam sektor industri di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,
2. Malaysia telah mencapai kemajuan yang sangat
menggalakkan di dalam beberapa sektor ekonomi. Ekonomi
dunia pada tahun ini dijangka mencatatkan pertumbuhan 2.9%
sahaja, tetapi ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan kadar
pertumbuhan sebanyak 9.2%, atau tiga kali ganda lebih tinggi
berbanding dengan kadar pertumbuhan dunia. Dalam
perdagangan antarabangsa pula, eksport negara telah
meningkat sebanyak 23% pada tahun 1989 berbanding dengan
tahun sebelumnya. Pada tahun ini, eksport negara dijangka
mengatasi rekod yang telah dicapai pada tahun lepas. Bagi
pelaburan asing pula, Malaysia telah berjaya menarik seju-
mlah \$21,200 juta ringgit dalam 9 bulan pertama tahun ini.
Pencapaian ini bukanlah semata-mata kerana nasib kita yang
baik, tetapi lebih disebabkan oleh dasar dan kerja kuat
serta usaha ke arah kecemerlangan yang telah kita sama-sama
usahakan selama ini.

3. Tidak ada jalan yang mudah untuk mencapai kejayaan.
Sebenarnya hanya ketekunan, kerajinan dan prestasi yang
tinggi sahaja yang boleh menentukannya. Segala usaha yang
dibuat hendaklah mempunyai matlamat yang berpanjangan dan
kekal. Musuh ketat kejayaan yang berkekalan ialah keinginan
mendapat keuntungan jangka pendek atau short term gain.
Dengan mengutamakan keuntungan jangka pendek, maka segala
barang dan kerja diringkaskan dengan tidak mengambilkira
sama ada tempahan akan dibuat berulang kali. Barang atau
kerja yang berkualiti rendah dan murah mungkin boleh memberi
keuntungan yang besar, tetapi hanya sekali atau sekejap
sahaja. Pasaran akan menolaknya kali yang kedua dan
seterusnya. Dan dalam jangka panjang, kerugian akan
dialami. Sebaliknya, mutu barangan dan khidmat yang baik,

walaupun mungkin meningkatkan kos dan mengurangkan keuntungan, tetapi penerimaan oleh pasaran secara berkekalan akan membawa hasil yang berpanjangan dan lebih tinggi daripada keuntungan jangka pendek. Sebab itulah, kita harus tekankan kecemerlangan dalam segala kerja yang kita buat. Hasil yang berkekalan adalah lebih baik dan menguntungkan daripada hasil sementara walaubagaimana tinggi sekalipun.

4. Pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan dalam sistem perhubungan seperti TV, radio, majalah dan suratkhabar telah membolehkan para pengguna pada masa ini mempunyai pengetahuan yang luas. Para pengguna mempunyai pilihan yang luas ke atas barangan dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, pengeluaran dan pemasaran hendaklah mengambilkira pengetahuan pengguna yang lebih sofistikated.

5. Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu pada setiap masa, sama ada daripada pihak pengurusan atau pihak pekerja, untuk memberikan khidmat yang terbaik bagi mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi. Khidmat yang cemerlang dengan sendirinya menjadi balasan yang memuaskan -- iaitu menjadi "reward" kepada yang mencapainya. Tetapi, lebih daripada itu ia akan mendatangkan hasil material bagi pengamalinya, jika tidak dengan secara langsung, sudah tentu dengan secara tidak langsung. Masyarakat yang mengutamakan kecemerlangan lebih berkemungkinan menjadi masyarakat yang berjaya dan dihormati.

6. Pihak pengurusan juga perlu memahami akan pentingnya kos dalam setiap usaha. Kecemerlangan yang dicapai dengan kos yang terlalu tinggi sehingga khidmat atau barang-barang itu tidak lagi kompetitif, tidak bermakna kecemerlangan yang sebenar. Sementara mutu sesuatu kerja mestilah baik, kos mesti dikawal rapi supaya tidak menghalang kejayaan sesuatu usaha. Kawalan kos yang baik juga adalah satu daripada unsur kecemerlangan. Persaingan yang berlaku sekarang bukan sahaja berasaskan kepada tahap kecemerlangan tetapi juga kepada harga.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Anugerah kecemerlangan industri kali ini adalah untuk sektor pembuatan dan industri perhotelan. Industri perhotelan adalah merupakan industri yang baru dan sedang berkembang pesat. Pertumbuhan yang begitu pesat di dalam industri pelancongan semenjak beberapa tahun ini telah menjadikan pelancongan sebagai satu industri antarabangsa yang besar dan berpotensi. Dalam jangkamasa sembilan bulan pertama Tahun Melawat Malaysia, kita telah dapat menarik 5.8 juta pelancong ke negara ini. Jumlah tersebut adalah jauh lebih tinggi daripada jangkauan yang dibuat iaitu seramai 4.3 juta pelawat untuk sepanjang tahun 1990.

8. Dalam usaha membangunkan industri pelancongan, sektor perhotelan berperanan penting kerana hotel merupakan tumpuan para pelancong bagi penginapan, makanan, dan aktiviti-aktiviti sampingan yang lain. Oleh itu adalah penting bagi sektor perhotelan menyediakan perkhidmatan yang cemerlang.

Jika tarif dinaikkan, ia hendaklah diiringi dengan mutu khidmat yang lebih baik, sesuai dengan kadar kenaikan tarif. Menaikkan tarif kerana hanya ingin mendapat untung yang lebih adalah keuntungan jangka pendek yang boleh merugikan akhirnya.

9. Sektor pembuatan pula merupakan industri yang termaju sekali daripada segi pertumbuhan. Ia menyumbangkan kira-kira 25% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar atau GDP, dan 54% kepada hasil eksport negara. Faktor utama ke arah kejayaan bagi sektor pembuatan ialah daya usaha mengeluarkan barang-barang yang bermutu yang dapat memenuhi kemampuan, kehendak dan citarasa pengguna secara keseluruhan. Pekilang-pekilang perlulah mengambil kira keperluan untuk menggunakan bahan mentah tempatan dan local component, teknologi terbaru, serta mencipta reka bentuk yang lebih baik bertujuan memperbaiki keluaran masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan sumber-sumber aslinya dan terdapat kemungkinan yang luas untuk meningkatkan penggunaan bahan-bahan mentah tempatan. Sebahagian daripada kemajuan industri pembuatan disebabkan oleh penggunaan sumber-sumber dalam negara yang sudah tentu lebih rendah kosnya. Dalam pada itu, mutu tinggi tidak boleh diabaikan dalam usaha mempertingkatkan kegunaan bahan tempatan. Tetapi dengan usaha yang bersungguh-sungguh tidak ada sebab mengapa penggunaan bahan tempatan harus mengurangkan mutu.

11. Untuk terus mengembangkan eksport barang-barang perkilangan, pembangunan barang-barang atau product development menjadi faktor penting di dalam usaha kita untuk mempelbagaikan keluaran serta memperluaskan pasaran eksport. Keluaran barang-barang untuk eksport meningkat dengan banyaknya, khususnya barang-barang elektrik dan elektronik, jentera dan alat ganti, tekstil, pakaian dan kasut. Kita juga telah berjaya memperkenalkan kereta nasional, barang-barang makanan, perabut, barang-barang getah, kimia dan lain-lain. Keupayaan kita untuk mempelbagaikan barang-barang dan meneroka pasaran baru untuk keluaran tersebut di luar negeri, adalah salah satu punca keteguhan ekonomi Malaysia. Perkembangan yang pesat di dalam sektor pembuatan dan peningkatan kecekapan kita dalam aspek pemasaran akan menentukan sektor eksport terus berkembang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada syarikat-syarikat yang telah mencapai tahap kecemerlangan. Kerajaan berkeyakinan bahawa syarikat-syarikat ini telah menunjukkan pencapaian yang mengagumkan yang boleh dicontohi oleh syarikat-syarikat lain. Saya yakin anugerah ini akan menjadi satu galakan kepada industri untuk terus berusaha meningkatkan pencapaian dan kecemerlangan mereka demi kemajuan dan kepentingan negara. Saya mengucapkan tahniah kepada syarikat-syarikat yang berjaya.

